

29/01/2002

Malaysia kuasa baru X Games

Hussain Said

SUKAN ekstrim di Malaysia mempunyai masa depan cerah apabila penganjur dan pemegang hak Kejohanan Asian X Games, ESPN memberi jaminan akan membantu dalam memperkembangkan dan mempopularkan sukan itu.

Antara jaminan itu termasuk membantu dalam mereka bentuk gelanggang dan pusat latihan, menganjurkan klinik dan seminar serta menyediakan kepakaran jurulatih dalam membimbing atlit negara.

Pengurus besar X Games Antarabangsa ESPN, John Davies berkata pihaknya merumuskan Malaysia mempunyai potensi tinggi untuk menjadi kuasa baru sukan itu di peringkat antarabangsa.

"Kami sungguh kagum dengan usaha kerajaan dan Kementerian Belia dan Sukan dalam mempromosi serta mengembangkan sukan ini. Malah, sokongan pihak korporat sungguh luarbiasa terutama bagi menjayakan penganjuran kejohanan Asian X Games buat julung kali ang bermula hari ini.

"Kita percaya gabungan itu (sokongan kerajaan dan korporat) serta bakat ang dimiliki peserta anda, menjadikan Malaysia mempunyai potensi besar untuk menjadi kuasa baru dalam sukan lasak ini.

"Sehubungan itu, kami sudah mengadakan perbincangan dengan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein bagi menjalinkan kerjasama dalam memastikan sukan ini terus berkembang," katanya.

Terdahulu, Malaysia dipilih bagi mengelolakan sukan ekstrim itu secara bersiri selama tiga tahun mulai tahun ini. Dalam pemilihan ang diadakan di Phuket, Thailand tahun lalu, kita mengetepikan cabaran Singapura dan Hong Kong.

Kejohanan sulung itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir di Taman KLCC semalam.

Sebanyak lima acara dipertandingkan - in line-skating, papan luncur, memanjat tembok tiruan, basikal BMX dan wakeboarding - yang disiarkan menerusi ESPN Star Sport dan dijangka ditonton oleh 750 juta penonton di seluruh dunia.

Menurut Davies, pemilihan Malaysi dan Taman KLCC selaku tuan rumah kejohanan kali ini adalah pemilihan tepat untuk menarik lebih ramai peminat dan sokongan pihak swasta dalam menaja kejohanan itu.

"Sebelum ini kita memilih Thailand menjadi tuan rumah selama tiga tahun sejak 1998. Kita mendapati terdapat masalah terutama dalam kehadiran penonton kerana diadakan di pantai dan jauh daripada pusat bandar.

"Namun, kita yakin masalah itu dapat diatasi apabila Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kali ini dan gelanggang pertandingan pula berdekatan dengan pusat membeli belah terkenal.

"Langkah itu tampak sudah berhasil apabila lebih banyak syarikat korporat tampil memberi sokongan dengan menaja kejohanan ini," katanya.

(END)